

Eurocopter Malaysia Catat Perolehan RM426 Juta Bagi 2011
Bernama
25 Januari, 2012

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Eurocopter Malaysia (EM), pembuat helikopter yang mempunyai rangkaian pusat perkhidmatan penyenggaraan, baik pulih dan rombak rawat yang lengkap, mencatatkan perolehan berjumlah RM426 juta tahun lepas berbanding RM373 pada 2010.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Rabu, EM berkata jualan helikopter baharu dan terpakai menyumbang 77 peratus, manakala perkhidmatan menyumbang 23 peratus kepada keseluruhan perolehan.

"Antara semua, EM menjana lebih 20 peratus daripada peningkatan pendapatan dari luar Malaysia," katanya.

Syarikat itu berkata ia terus menambah agihan pasarannya di Malaysia dan mengekalkan kedudukan penerajunya dalam kedua-dua segmen awam dan separa awam, dengan agihan pasaran sebanyak 54 peratus daripada 53 peratus pada 2010, dan segmen tentera sebanyak 38 peratus.

"Helikopter EC225 keluaran Eurocopter menguasai 100 peratus pasaran dalam kategori berat industri minyak dan gas Malaysia," tegasnya.

Kata EM, pembinaan Pusat Helikopter, yang akan menempatkan syarikat itu sebagai penyewa utama, dijangka siap menjelang Ogos.

"Pusat Helikopter itu akan menempatkan Eurocopter Malaysia serta juga BHIC AeroServices dan Pusat Simulasi Eurocopter Malaysia," katanya.

Mengenai perkembangan lain, EM berkata, Program Pengeluaran helikopter EC725, yang ditempah oleh Tentera Udara Diraja Malaysia berjalan mengikut jadual. Helikopter EC725 pertama akan diserahkan pada Disember seperti yang dirancang.

Sementara itu, syarikat induk Eurocopter Malaysia, The Eurocopter Group, juga menjana perolehan tahunan yang mencatatkan rekod, berjumlah 5.4 bilion euro tahun ini atau pertumbuhan sebanyak 12.5 peratus berbanding sebelumnya.

Keputusan itu dicapai hasil daripada strategi jangka panjangnya iaitu melabur bagi inovasi, mengembangkan operasi di peringkat antarabangsa, memajukan perniagaan perkhidmatan dan mengoptimumkan operasi dalam negara.

"Penyerahan helikopter keluaran baharu merupakan 51 peratus daripada perolehan tergabung Eurocopter bagi 2011, manakala sokongan dan perkhidmatan menyumbang 38 peratus daripada keseluruhan perolehan.

"Baki 11 peratus lagi dijana oleh pembangunan dan kegiatan lain," kata Eurocopter.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642173>